

Newspaper	Berita Harian
Date	18 June 2015

PM, TPM gesa perkukuh ukhuwah sempena Ramadan

BH - 18/6/2015

Kuala Lumpur: Umat Islam perlu memanfaatkan Ramadan bagi memperkukuhkan komitmen terhadap perpaduan dan ukhuwah yang selama ini menjadi asas kemajuan negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri dalam perutusan Ramadan semalam, berkata kestabilan dan kemakmuran negara saling berkait dengan kekukuhan per-

paduan yang dibina selama ini.

"Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kerana dengan izin-Nya, umat Islam diberi kesempatan bertemu dengan Ramadan 1436 Hijrah ini.

Erat silaturahmi
"Sempena keberkatan Ramadan ini, marilah kita pertingkatkan hubungan dengan Al-

lah SWT, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dengan keluarga, jiran dan masyarakat pelbagai kaum," katanya. »

Perdana Menteri turut meniiinta seluruh rakyat Malaysia mempersiapkan diri dari sudut fizikal, mental dan rohani dalam menjalani ibadah di bulan mulia itu.

Kelmarin, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Seri

Syed Danial Syed Ahmad mengumumkan umat Islam di Malaysia akan mula berpuasa hari ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu umat Islam menghentikan sikap negatif seperti pembaziran, dengki, saling menyakiti dan umpat keji agar bulan mulia itu dapat diimarahkan dengan pengisian yang lebih bermakna dalam mengembangkan syiar Islam.

Beliau berkata, sikap itu akan melonggarkan ukhuwah, sekaJi gus membuka ruang kepada anasir luar untuk menyelinap masuk seterusnya melemahkan umat Islam secara senyap.